

Agama Islam di Eropah pada abad ke-21



Kebanyakan negara Sepanyol berada di bawah pemerintahan Islam selama hampir tujuh ratus tahun. Al-Andalus adalah nama Arab yang

diberikan kepada bahagian-bahagian Semenanjung Iberia yang dijajahi orang-orang Islam, atau orang Moor, sehingga kejatuhan kubu Islam yang terakhir, kota Granada, pada tahun 1492. Sepanyol Islam, atau “Al-Andalus” masih dianggap oleh setengah orang sebagai satu contoh yang baik bagi cara orang Kristian, Yahudi dan Muslim harus hidup bersama-sama. Namun, kebanyakan ahli-ahli ilmuwan telah menunjukkan bahawa ini tidak realistik.

Orang-orang Muslim:

Sepanyol zaman sekarang mempunyai lebih kurang

800,000 orang Muslim, ramai di antara mereka merupakan pendatang baru dari Maghribi (Morocco). Salah satu masjid yang terbesar di Eropah, yang dibina dengan bantuan kewangan dari Arab Saudi, terletak di Madrid. Walaupun orang-orang Islam dari Afrika Utara sudah menjadi minoriti yang penting di Sepanyol, hanya sebilangan kecil orang Kristian di Sepanyol yang secara aktif menginjili mereka. Ini juga benar bagi enklaf Sepanyol, Ceuta dan Melilla yang terletak di pinggir pantai Maghribi. Di kota-kota Ceuta dan Melilla ini hampir separuh



dari penduduknya beragama Islam.

Penginjilan:

Terutamanya di kota-kota pelabuhan Algericas dan Malaga, terdapat usaha menyebarkan bahan-bahan bacaan, kaset dan dvd kepada orang-orang Muslim yang berjalan di antara kota-kota tersebut dan Maghribi. Malangnya belum ada lagi pengikut-pengikut Yesus berbangsa Berber atau Arab yang berjumpa bersama-sama untuk beribadah dan saling mendorong; terdapat juga beberapa kumpulan yang cuba melakukannya tetapi sering

kali dalam keadaan yang agak sukar. Terdapat beberapa orang Afrika Utara dari latar belakang Muslim yang kini sedang belajar di sekolah Alkitab di Sepanyol. Keadaan mereka agak sukar kerana sering kali ditolak oleh keluarga dan sahabat-sahabat.

BAHAN-BAHAN DOA:

- *Orang-orang Kristian Sepanyol yang berkomitmen masih kecil bilangannya, namun, peluang untuk*

menjangkau orang-orang Muslim yang tinggal di Sepanyol semakin bertambah. Berdoalah bagi hikmat, semangat, dan mobilisasi orang-orang Kristian Sepanyol yang lebih lagi bagi pelayanan di kalangan orang Muslim,

- *Berdoalah bagi penyebaran bahan-bahan bacaan dan dvd Injil di kawasan-kawasan di mana terdapat orang Muslim.*
- *Berdoalah bagi orang-orang muda dari Afrika*



Utara yang datang untuk belajar di sekolah-sekolah Alkitab di Sepanyol.

- *Berdoalah bagi siaran-siaran radio dan TV yang sedang dikeluarkan di Sepanyol bagi Afrika Utara.*

PAKAIAN WANITA MUSLIM

Masyarakat-masyarakat Islam secara tradisi mendorong kaum wanita menutupi diri,

bahkan ditutupi dari kepala ke kaki. Pada mulanya ini dilakukan atas sebab-sebab amalan yang sesuai bagi kehidupan di suasana padang pasir. Akan tetapi sekarang dari segi Islam, sebab utama bagi pemakaian demikian adalah untuk menghadkan godaan seks terhadap kaum lelaki. Kelamahan moral orang lelaki dari segi alam seks juga digunakan sebagai alasan untuk mengasingkan kaum wanita, yang harus berada di rumah sahaja, dan kaum wanita tidak dibenarkan keluar ke tempat awam tanpa ditemani orang lain/lelaki.

www.30-days.net

www.30daysfire.net

30 Hari Doa bagi Dunia Muslim

